

**DEWAN RAKYAT
PARLIMEN MALAYSIA**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : TUAN HAJI HASBI BIN HAJI HABIBOLLAH
[LIMBANG]**

TARIKH : 12 MAC 2018 (ISNIN)

SOALAN:

Tuan Haji Hasbi Bin Haji Habibollah [Limbang] minta MENTERI SUMBER ASLI DAN ALAM SEKITAR menyatakan bilakah Kementerian akan memulakan kerja-kerja mengorek di Kuala Sungai Limbang yang semakin tohor.

JAWAPAN:

Tuan Yang di-Pertua,

Kerajaan Persekutuan telah meluluskan kerja-kerja pengorekan Muara Sungai Limbang di bawah RMKe-11 sebanyak RM10 juta. Projek ini telah mendapat kelulusan *Environmental Impact Assessment* (EIA) daripada *Natural Resources Environment Board Sarawak* (NREB). Kementerian akan melaksanakan projek ini setelah mendapat kelulusan daripada *Sarawak State Planning Authority* (SPA). Permohonan kelulusan telah dihantar kepada SPA oleh Jabatan Pengairan dan Saliran (JPS) pada 10 Februari 2017.

Sekian, terima kasih.